



JABATAN PERDANA MENTERI

MITRA

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 4, Blok D5, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

Presint 1, 62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

No. Tel: 03-8886 6221

E-mel: infomitra.jpm.gov.my

JPM.MITRA.100-9/1/1 (6)

**KENYATAAN MEDIA
PENGUMUMAN PROGRAM-PROGRAM INISIATIF
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA)
JABATAN PERDANA MENTERI
TAHUN 2023**

PUTRAJAYA, 02 JUN 2023 – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) ingin mengumumkan **INISIATIF MITRA SIRI KE-2** yang akan dilaksanakan pada tahun ini untuk meningkatkan status sosio-ekonomi masyarakat India.

Bagi tujuan tersebut, hampir **RM20 juta** telah diperuntukan bagi melaksanakan program-program seperti berikut:

1. INISIATIF PERTAMA: PROGRAM KERJASAMA ANTARA MITRA DENGAN WESTSTAR AVIATION SERVICES (WASSB)

Program Aircraft Maintenance Licence (CAAM Part 66 Category A3). Seramai **100** orang belia India B40 akan dilatih untuk menjadi *Certified Technician* dengan pensijilan dan lesen daripada *Civil Aviation Authority of Malaysia* (CAAM) dan diberikan penempatan kerja apabila tamat latihan nanti. Program latihan ini akan dilaksanakan secara kerjasama dengan **Weststar Aviation Services (WASSB)** yang merupakan peneraju dalam industri penerbangan serantau. Anggaran kos keseluruhan program adalah sebanyak **RM5.5 juta**.

2. INISIATIF KEDUA: PROGRAM KERJASAMA ANTARA MITRA DENGAN SG EDUCATION GROUP

Program Teknikal *Drone Operations & Data Services* dan *Electrified Automation Advancement Programme* (EAAP) dengan kerjasama SG Education Group yang merupakan *Remote Pilot Training Organisation* (RPTO) yang diiktiraf oleh **Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)** serta badan yang bertauliah dalam mengendalikan Program *Electric Vehicle* (EV) yang diiktiraf oleh **Institute of the Motor Industry (IMI) UK Certification Tahap 3**. Melalui program ini, seramai **150** orang belia India B40 akan menyertai program *Drone Operations & Data Services* manakala **250** orang belia India B40 akan menyertai *Program Electrified Automation Advancement Program* (EAAP). Program latihan dan pensijilan ini juga dilengkapi dengan penempatan kerja. Anggaran kos keseluruhan program adalah sebanyak **RM4.3 juta**.

3. INISIATIF KETIGA: PROGRAM KERJASAMA ANTARA MITRA DENGAN GOOGLE FOR EDUCATION MALAYSIA

Program Bantuan Komputer Riba untuk Makmal Komputer Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dengan kerjasama Malaysia mensasarkan kepada 527 sekolah SJKT melibatkan **6,000 Refurbished Laptop**. Program ini akan memberikan akses dan peluang yang lebih terbuka kepada semua murid dalam penyertaan menjayakan aspirasi Kerajaan dalam bidang ICT. Anggaran kos untuk pelaksanaan program adalah sebanyak **RM3 juta**.

4. INISIATIF KEEMPAT: PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI BERSASAR MASYARAKAT INDIA DENGAN KERJASAMA PUSAT KHIDMAT RAKYAT AHLI PARLIMEN.

Program ini akan dilaksanakan di **38 daerah** melibatkan **72 parlimen** dimana kepadatan masyarakat India adalah tinggi. Sejumlah 7.2 juta diperuntukan kepada pusat khidmat rakyat di kesemua 72 parlimen tersebut untuk pelaksanaan program daripada mana-mana tiga (3) skop daripada pembangunan modal insan, pembangunan keusahawanan dan kerjaya atau pembangunan sosial dan kebajikan, kerohanian dan kesejahteraan yang akan memanfaatkan penduduk tempatan. Anggaran kos untuk pelaksanaan program ini adalah sebanyak **RM7.2 juta**.

Secara keseluruhan, sebanyak **empat (4) program** dengan peruntukan sebanyak **RM20 juta** akan dilaksanakan oleh MITRA. Segala program yang diumumkan tadi akan dilaksanakan dalam masa terdekat dan MITRA akan menyediakan maklumat terperinci berkaitan program-program tersebut dalam Laman Web MITRA iaitu www.mitra.gov.my.

-TAMAT-

**YB DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN
PENGERUSI
JAWATANKUASA PASUKAN PETUGAS KHAS (JPPK)
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
02 JUN 2023**